

15 SEP 1997

Kumaratunga-Tiba

KUMARATUNGA TIBA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Presiden Sri Lanka Chandrika Kumaratunga tiba di sini hari ini untuk mengadakan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia, lawatan pertama oleh seorang ketua negara itu sejak kedua-dua negara menubuhkan perhubungan diplomatik pada 1957.

Dalam keadaan udara berjerebu yang meliputi Malaysia sejak beberapa minggu lepas, kapal terbang khas yang membawa presiden itu mendarat di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pukul 4.25 petang.

Ketibaan Kumaratunga dan rombongannya disambut Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail, selaku menteri pengiring.

Yang turut hadir ialah Menteri Luar Sri Lanka Lakshman Kadirgamar, yang tiba di sini semalam.

Kumaratunga yang melakukan lawatan itu dengan tujuan utama meningkatkan hubungan perdagangan antara Sri Lanka dan Malaysia, kemudian dibawa ke Medan Parlimen untuk upacara sambutan rasmi.

Semasa di sini, beliau akan mengunjungi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kumaratunga dijadual memberi ucapan kepada para pelabur pada satu majlis jamuan tengah hari yang diadakan oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian Nasional Malaysia (NCCIM) dan mengadakan ceramah umum pada majlis anjuran Institut Diplomasi dan Perhubungan Luar.

Satu seminar pelaburan anjuran NCCIM dengan kerjasama Lembaga Pelaburan Sri Lanka juga akan diadakan semasa lawatan presiden itu.

Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka ke Malaysia Dr Warnasena Rasaputram berkata Malaysia mengeksport barangan bernilai RM397 juta ke Sri Lanka tahun lepas manakala eksport Sri Lanka ke Malaysia berjumlah RM66 juta dalam tempoh itu.

Lawatan terakhir oleh seorang ketua kerajaan Sri Lanka ke Malaysia ialah yang dibuat oleh Perdana Menteri Dudley Senanayake pada 1967.

Di Medan Parlimen ketibaan Kumaratunga disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut hadir.

Presiden itu kemudiannya memeriksa perbarisan yang terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota dari Batalion Pertama Regimen Askar Melayu Diraja yang diketuai Mej. Hamdi Abdul Rahman.

Tembakan meriam 21 das juga dilepaskan.

Presiden Kumaratunga kemudian diperkenalkan kepada para menteri, pegawai kanan kerajaan dan ketua perwakilan asing.

Selepas upacara sambutan rasmi, pelawat negara itu beredar ke hotel penginapannya.

Beliau kemudiannya menerima kunjungan hormat Dr Mahathir.

Malam ini, Presiden Kumaratunga akan diraikan pada majlis santapan negara oleh Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara. -- BERNAMA

AZZ NMO RON